

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL



NORI ketika bersama sebahagian karya ketika Pelancaran Galeri Inspirasi Seni IKN: Senyuman dan Harapan, di Institut Kanser Negara, Putrajaya.

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kaedah rawatan pesakit kanser tidak hanya bergantung kepada ubat-ubatan malah ia juga boleh dilakukan melalui terapi seni mewarna.

Pengarah Institut Kanser Negara (IKN), Dr Mohd Anis Haron@Harun berkata, pihaknya mengambil inisiatif menyediakan lukisan untuk diwarnakan oleh pesakit kanser di institut berkenaan.

Katanya, aktiviti mewarna itu dapat mengurangkan atau mengalihkan fokus kesakitan atau tekanan dihadapi pesakit kanser.

"Idea ini dicetuskan bekas Pengerusi Persatuan Pendidikan Perubatan IKN (PP-PIKN), Dr Noraini Ab Rahim melalui Program Inspirasi Seni. Beliau ketika itu ke luar negara dan melihat aktiviti mewarna ini dijadikan sebagai terapi kepada pesakit kanser.

"Bila idea itu dibawa ke Malaysia, kita bersetuju un-

Terapi mewarna melawan kanser

Aktiviti dapat kurang atau alih fokus kesakitan serta tekanan dihadapi pesakit barah

tuk berikan lukisan berkenaan untuk diwarnakan pesakit kerana berpendapat ada banyak cara untuk sembuahkan penyakit ini. Ia bukan hanya bergantung pada ubat malah seni juga adalah antara terapi.

"Sebenarnya ada banyak lagi terapi yang mampu mengurangkan rasa sakit me-

reka antaranya menyanyi dan menari. Tetapi di IKN kita lebih menjurus ke arah seni lukis," katanya selepas majlis Pelancaran Galeri Inspirasi Seni IKN: Senyuman dan Harapan, di sini, semalam.

Galeri Seni itu dilancarkan oleh Pengerusi Yayasan Budi Penyayang Malaysia, Nori



Sebenarnya ada banyak terapi yang mampu kurangkan rasa sakit mereka antaranya menyanyi dan menari. Tetapi di IKN kita lebih menjurus ke arah seni lukis".

Dr Mohd Anis

Abdullah. Hadir sama dalam majlis berkenaan ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Harjeet Singh Hardev Singh.

Dalam pada itu, Dr Mohd Anis berharap, idea berkenaan dapat dikembangkan di pusat perubatan kanser yang lain di negara ini sebagai satu terapi untuk merawat pesakit yang sedang menjalani rawatan.

"Sebanyak 30 potret lukisan berjaya dikumpulkan untuk dipamerkan dalam galeri ini, namun, tidak semua lukisan yang diberikan sempat disiapkan oleh pesakit kerana mereka sudah meninggal dunia," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Tambah jawatan tetap doktor kontrak, sekolah

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Memperbanyak jawatan tetap doktor kontrak dan menambah bilangan sekolah antara yang perlu diberikan perhatian dalam manifesto.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, jurucakap Hartal Doktor Kontrak, Dr. Muhammad Yassin berkata, insentif 1,500 jawatan tetap setiap tahun pada masa hadapan belum cukup untuk menggalakkan doktor kontrak kekal dalam sektor kesihatan awam.

Katanya, jumlah tersebut masih rendah berbanding kemasukan kira-kira 5,000 doktor kontrak baharu setiap tahun.

Katanya, pertambahan jawatan tetap pegawai perubatan diperlukan bagi mengelak rakyat menanggung masa menunggu rawatan yang lama di perkhidmatan kesihatan awam akibat kekurangan doktor.

"Tahun ini kira-kira 3,500



SEORANG petugas SPR membantu orang awam menyemak daftar pemilih di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

doktor kontak dapat perjawatan tetap dan diumumkan 1,500 jawatan tetap (ditawarkan) setiap tahun, tetapi masih tidak cukup sebab 70 peratus (dari 5,000 doktor kontrak baharu setiap tahun) tidak akan dapat jawatan tetap.

"Kita harap paling kurang pun (dapat tambah) 3,000 jawa-

tan tetap untuk doktor kontrak setiap tahun. Sekurangnya jumlah itu lebih 50 peratus daripada kemasukan baharu dan yang penting kita mahu mereka kekal dalam sektor kesihatan awam.

"Sekarang ramai (doktor kontrak) keluar pergi buka klinik sebab masa depan di Kemen-

terian Kesihatan tak terjamin. Walaupun tak ada angka yang tepat, tetapi tahun lepas saja 800 doktor kontrak di Selangor keluar, itu baru Selangor dan bukan lagi negeri lain," katanya ketika dihubungi, semalam.

Ogos lalu, 4,053 pegawai kontrak berjaya ke jawatan tetap melibatkan 3,215 pegawai perubatan, 438 pegawai pergigian dan 400 ahli farmasi.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (Kongres), Jasni Md. Kechik berkata, pertambahan sekolah baharu dan bangunan perlu menjadi perhatian utama mana-mana parti politik yang mahu menerajui kerajaan nanti.

Beliau berkata, pertambahan sekolah dapat mengecilkkan saiz kelas serta membantu mengatasi lambakan graduan pendidikan yang mengganggu.

"Bilangan pelajar ketika ini melebihi 34 ke atas dalam satu kelas disebabkan kekurangan sekolah," katanya.